

24 APR 1997

DR MAHATHIR BERDIALOG DENGAN HAKIM

PETALING JAYA, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menemui para hakim pada satu majlis dialog yang disifatkan oleh Ketua Hakim Negara Tan Sri Eusoff Chin sebagai peluang untuk mengenali di antara mereka secara lebih dekat.

"Ini adalah kali pertama Dr Mahathir menemui para hakim secara berdepan," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu di sebuah hotel di Subang dekat sini.

Para hakim berkenaan menghadiri persidangan tahunan Majlis Hakim-hakim Malaysia 1997.

"Kami berbesar hati kerana beliau sudi meluangkan masa untuk menemui kami dan bertanyakan keperluan kami...ia menunjukkan beliau berminat," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha juga hadir pada dialog itu.

Ketika ditanya sama ada Dr Mahathir menyampaikan sebarang mesej kepada para hakim, Eusoff berkata: "Pesanan biasa. Kerja kuat, patuhi undang-undang."

Beliau berkata Dr Mahathir mengulangi pendirian bahawa beliau menghormati dan menerima keputusan yang dibuat oleh mahkamah selagi keputusan itu dibuat mengikut undang-undang. -- BERNAMA

AZZ AKD